

21 SEP 2002

REAKSI-MICG/I

PENGURANGAN CUKAI KORPORAT 20 PERATUS GALAK PERTUMBUHAN PKS

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Pengurangan cukai korporat kepada 20 peratus daripada 28 peratus bagi industri kecil dan sederhana (IKS) ke atas pendapatan boleh dikenakan cukai berjumlah sehingga RM100,000, amat inovatif dan akan menggalakkan pertumbuhan perusahaan, kata pengarah eksekutif Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Lee Leok Soon.

Beliau berkata, galakan ini akan membantu perniagaan-perniagaan kecil memperkukuhkan asas modal kerja mereka dan mempertingkatkan kemudahan untuk mendapatkan pembiayaan.

"Ia juga baik dari segi aliran tunai, produktiviti dan semangat kakitangan, menjadikan proses perniagaan syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SKS) atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkesan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Lee berkata, Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, mencerminkan wawasan kerajaan dalam manifesto perniagaan kecil, iaitu satu visi yang jangka panjang bagi masa depan mereka dan pengiktirafan kerajaan tentang pentingnya SKS atau PKS sebagai jentera pertumbuhan ke arah membina bangsa dan kemakmuran perniagaan.

Katanya, galakan bagi syarikat-syarikat tempatan membeli syarikat-syarikat asing bagi mendapatkan teknologi tinggi mencerminkan ekonomi Malaysia yang terbuka dan tindak balas kerajaan yang tepat pada masanya bagi menghadapi tekanan daya saingan, dan agar sentiasa tangkas bertindak, dan mengambil berat tentang keyakinan pelabur dan kepentingan pemegang saham dalam ekonomi yang rancak.

Katanya, perubahan besar dan pesat dalam teknologi dan teknologi maklumat (IT) akan menjadikan dunia kelihatan lebih kecil kerana aliran maklumat dan komunikasi menjadi lebih murah dan lebih cepat.

Pembelian syarikat-syarikat asing bagi teknologi tinggi akan membolehkan syarikat Malaysia mempertingkatkan kecekapan, menguasai IT dan menggunakan peralatan perisian terbaru untuk bersaing.

Beliau juga berkata bahawa galakan ini merupakan petanda baik bagi projek-projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya, untuk menjadikan negara ini sebuah pusat bagi pertumbuhan dan penyebaran aplikasi IT dan teknologi di merata tempat di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, negara kini mempunyai kelebihan di rantau ini untuk membantu syarikat-syarikat multinasional menggunakan peruntukan sumber dengan berkesan dan memberi panduan strategik mengenai hala tujuh MNC.

Lee berkata, ahli-ahli profesional patut memberi sumbangan dengan menyediakan kepimpinan perundingan, menggerakkan agenda masyarakat pelaburan bagi kebaikan negara dan pada masa yang sama, mengeksport perkhidmatan profesional. -- BERNAMA

FAY FR KY OS